



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN MALAKAT MALL DAN PENYERAHAN BANTUAN KOPERASI DALAM PKPP COVID-19

CYBERJAYA, 6 September 2020 – Penubuhan Malakat Mall sebagai hub atau gedung beli-belah berkonsepkan Islam pertama di Malaysia merupakan platform yang memberi peluang kepada para peniaga Bumiputera Islam untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Objektif utama Malakat Mall adalah untuk merebut sekurang-kurangnya **30 peratus perbelanjaan runcit negara** dan menyalurkannya kepada perniagaan serta pengguna tempatan dan Islam. Matlamat ini boleh dicapai dengan mensasarkan 15,000 keluarga untuk berbelanja sekurang-kurangnya RM20,000 setahun yang bakal membawa pendapatan RM300 juta untuk Malakat Mall. Langkah ini dilihat positif apabila Malakat Mall telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia Berhad atau KoPPIM.

Kerjasama KoPPIM dengan Malakat Mall ini dilihat antara satu langkah ke arah mentransformasikan **landskap ekosistem koperasi** di mana KoPPIM ditubuhkan bertujuan untuk menjadi sumber dana kepada pelaburan strategik terhadap Malakat Mall dalam usaha untuk membangunkan ekosistem ekonomi Islam. Dengan motto **“Pengguna Pemilik Ekonomi”**, KoPPIM kini dalam misi membina **1 juta keahlian** koperasi.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sentiasa menyokong usaha-usaha murni seperti ini yang mana selaras dengan objektif **Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030)** iaitu “mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan”.

Kerajaan melalui MEDAC terus prihatin dalam membantu usahawan dan koperasi terutamanya dalam menangani kelembapan operasi perniagaan berikutan perlanjutan tempoh kawalan pergerakan akibat penularan Covid-19. Dalam majlis yang sama, turut diadakan penyerahan Bantuan Koperasi Dalam PKPP COVID19 yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) agensi di bawah MEDAC. Tiga (3) jenis batuan koperasi tersebut merangkumi:

i. Bantuan Kecemasan Koperasi

- sebanyak **RM1 juta** telah diperuntukkan kepada koperasi yang terjejas untuk penyaluran segera yang melibatkan **320 koperasi**.

ii. Program Jualan Harga Patut (JHP) Koperasi

- dengan peruntukkan juga **RM1 juta** dilaksanakan untuk membantu anggota dan masyarakat lain mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan di kedai-kedai milik koperasi di samping membantu memulihkan perniagaan koperasi. Program ini melibatkan **200 koperasi** seluruh negara.

iii. Insentif Program Pemulihan Sektor Pelancongan Koperasi (PULIH)

- insentif khas sebanyak **RM1 juta** bagi tujuan pemulihan yang disasarkan kepada koperasi-koperasi dalam sektor pelancongan yang terjejas operasi perniagaannya semasa tempoh PKP. Ianya melibatkan **206 koperasi** yang terlibat dengan aktiviti pelancongan.

Sebagai Kerajaan yang prihatin, penyerahan bantuan ini diharap dapat meningkatkan kapasiti koperasi untuk menggerakkan semula aktiviti perniagaan koperasi dan diharap koperasi terus menyumbang dengan efektif kepada pembangunan ekonomi negara.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI